

Penduduk Berang Sada Lewat Sebar Maklumat

Oleh: Nurul Hannan Mohd Nazruddin,1180384



Satu daripada tiga loji air yang terjejas, Loji Rawatan Air Jeniang Lama.

GURUN : Penduduk di kawasan Sik dan Kuala Muda meluahkan rasa tidak puas hati mereka di laman Facebook Syarikat Air Darul Aman (SADA) atas kelewatan penyebaran notis kecemasan semalam.

Pihak SADA mengeluarkan notis kecemasan atau luar jangka di laman Facebook rasmi mereka pada jam 6 petang namun, gangguan bekalan air berlaku tiga jam lebih awal menyebabkan tiada persediaan yang boleh dilakukan oleh penduduk yang terkesan.

“Harap ambil perhatian, kami di kawasan Batu 3 Jalan Jeniang sudah kehabisan air. Air untuk bancuh susu anak pun sudah tiada langsung, harap SADA boleh hantar air secepat mungkin,” kata pengguna Facebook yang dikenali sebagai Fairus Fazli.

Setelah dikenalpasti, gangguan bekalan air berlaku disebabkan oleh tumpahan minyak diesel di Sungai Muda dan tiga loji rawatan air (LRA) terpaksa menghentikan penyaluran air bagi tujuan peneutralan.

Ketua Pegawai Eksekutif Sada, Mohd Suhaimi Mohd Jusoh, tiga loji yang terlibat ialah LRA Jeniang Baru, LRA Jeniang Lama serta LRA Sungai Pau dan pihaknya juga memaklumkan bahawa mereka akan menangani masalah itu secepat mungkin.



Naimah Hashim menunjukkan bukti ketiadaan air di rumahnya sejak dua hari yang lalu.

Salah seorang penduduk yang mengalami gangguan bekalan air, Naimah Hashim, berkata, jika pihak SADA memaklumkan punca sebenar gangguan bekalan air di notis kecemasan, kesalahfahaman antara pengguna dan pihak berwajib dapat dielakkan.

Beliau berkata, pengguna semakin risau apabila air tangki mulai susut dan mengganggu rutin harian mereka terutamanya yang mempunyai anak kecil dan warga emas.

Selain itu, bantuan air yang terhad menyebabkan pengguna perlu membeli air botol di kedai-kedai yang berdekatan.

Mengambil perhatian atas masalah yang dihadapi penduduk, pihak SADA telah menghantar beberapa buah lori tangki air di kawasan yang teruk terjejas.

“Setelah proses pembersihan loji selesai, ketiga-tiga loji yang terlibat kembali beroperasi dan bekalan air pulih secara berperingkat. Pihak SADA juga telah memohon maaf atas kesulitan di laman facebook rasmi mereka,” katanya.